

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

<p>Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Pembiayaan Kenderaan-i. Terma dan syarat pembiayaan dinyatakan secara terperinci di Surat Tawaran dan Dokumen Perjanjian.</p>	<p>BANK RAKYAT</p> <p>PEMBIAYAAN KENDERAAN-i</p> <p>Tarikh: _____</p>																
<p>1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> Produk ini merupakan kemudahan yang disediakan untuk membiayai pembelian kenderaan bagi pembelian kenderaan komersial dan industri. 																	
<p>2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?</p> <ul style="list-style-type: none"> Kemudahan pembiayaan adalah di bawah prinsip Syariah Murabahah (dengan menerima pakai amalan Tawarruq) di mana berdasarkan Wa'd daripada pihak pelanggan, Bank akan membeli komoditi daripada pihak pembekal dan seterusnya menjual komoditi kepada pelanggan berlandaskan kontrak Murabahah pada harga jualan (kos komoditi beserta keuntungan) secara tangguh dan kemudian, sebagai ejen pelanggan, Bank menjualkannya kepada pembeli pihak ketiga secara tunai. Kutipan tunai daripada pembeli pihak ketiga ini akan dimasukkan ke dalam akaun pelanggan. 																	
<p>3. Apakah yang saya akan dapat melalui tawaran dari produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> Jumlah pembiayaan : _____ Margin pembiayaan: _____ % Jumlah Harga jualan : _____ Tempoh pembiayaan: _____ tahun. Kadar keuntungan Bank (terapung) <ul style="list-style-type: none"> - Kadar minimum ialah 0.5% + KDB / tahunan - Kadar siling ialah _____% (4.0% + KAP) / tahunan - Kadar efektif ialah _____% setahun <p style="margin-left: 20px;">Nota: KAP (<i>Kadar Asas Pembiayaan</i>) adalah 7.08% setahun KDB (<i>Kadar Dana Bank</i>) adalah _____setahun</p>																	
<p>4. Apakah tanggungjawab kewangan saya?</p> <ul style="list-style-type: none"> Ansuran bulanan : _____ Jumlah keseluruhan pembiayaan : _____ <p style="text-align: center;">PENTING: Bayaran bulanan dan jumlah bayaran keseluruhan akan berubah sekiranya terdapat perubahan pada kadar asas pembiayaan.</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin: 10px 0;"> <thead> <tr> <th style="width: 35%;">Kadar</th> <th style="width: 20%;">Hari ini (kadar keuntungan = y%)</th> <th style="width: 20%;">Sekiranya kadar keuntungan naik 1%</th> <th style="width: 25%;">Sekiranya kadar keuntungan naik 2%</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Ansuran bulanan</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Jumlah keuntungan untuk <i>t</i> tahun</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Jumlah bayaran keseluruhan pada akhir <i>t</i> tahun</td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> Nota: Pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh pelaksanaan sekiranya terdapat sebarang perubahan pada kadar keuntungan yang berkaitan dengan pembiayaan anda. 		Kadar	Hari ini (kadar keuntungan = y%)	Sekiranya kadar keuntungan naik 1%	Sekiranya kadar keuntungan naik 2%	Ansuran bulanan				Jumlah keuntungan untuk <i>t</i> tahun				Jumlah bayaran keseluruhan pada akhir <i>t</i> tahun			
Kadar	Hari ini (kadar keuntungan = y%)	Sekiranya kadar keuntungan naik 1%	Sekiranya kadar keuntungan naik 2%														
Ansuran bulanan																	
Jumlah keuntungan untuk <i>t</i> tahun																	
Jumlah bayaran keseluruhan pada akhir <i>t</i> tahun																	
<p>5. Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?</p> <ul style="list-style-type: none"> Fi Dagangan Komoditi: <u>RM15 untuk setiap RM1 juta</u> (50:50 antara pelanggan dan Bank Rakyat). Minimum transaksi sebanyak RM1,000.00. Duti Setem: _____ daripada jumlah pembiayaan seperti yang terkandung dalam Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989). Yuran guaman dan kos pengeluaran (termasuk pendaftaran gadaian dan yang berkaitan). 																	
<p>6. Bagaimana sekiranya saya gagal memenuhi syarat yang ditetapkan?</p> <ul style="list-style-type: none"> Sekiranya Pelanggan menghadapi masalah dalam memenuhi tanggungjawab membayar ansuran bulanan, sila hubungi Bank dengan segera. Kelewatan membuat bayaran akan menyebabkan pelanggan dikenakan caj ganti rugi (Ta'widh) seperti berikut:- 																	

Ketika tempoh pembiayaan	1% setahun ke atas jumlah bayaran bulanan tertunggak.
Selepas tamat tempoh pembiayaan	Tidak melebihi kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam ke atas baki pembiayaan.

- Bank berhak menolak / mempelaras baki simpanan (Akaun Simpanan-i / Akaun Semasa-i / Akaun Saham Keanggotaan) pelanggan di Bank Rakyat sebagai bayaran ke atas jumlah tertunggak dan hendaklah memaklumkan kepada pelanggan dalam tempoh tujuh (7) hari terlebih dahulu.
- Bank berhak mengambil tindakan undang-undang dan segala kos ditanggung oleh Pelanggan.

7. Bagaimana sekiranya hutang pembiayaan dilangsaikan sebelum tempoh matang?

- Sekiranya pelanggan membuat penjelasan awal ke atas Harga Jualan, Bank akan memberi Ibra' (rebat) kepada pelanggan berdasarkan polisi dan prosedur semasa Bank yang akan dikira mengikut formula seperti berikut:

Jumlah Penjelasan Awal: Baki Harga Jualan – Ibra' + Caj Lewat Bayar (jika ada)

Ibra' = Keuntungan Terakru + Baki Prinsipal Belum Dikeluarkan (jika ada) - Caj-caj lain (jika ada)

8. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?

- Pelanggan bertanggungjawab memastikan bayaran dibuat seperti yang dinyatakan di dokumen perjanjian walaupun pelanggan menghadapi masalah kewangan.

9. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- Kenderaan yang dibiayai akan dijadikan sebagai cagaran manakala cagaran tambahan akan diminta sekiranya diperlukan.
- Jaminan korporat / individu (pemegang saham / pengarah syarikat / rakan kongsi / pemilik tunggal) akan ditentukan berdasarkan kekuatan pelanggan dan daya maju perniagaan.

10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan maklumat?

- Pelanggan hendaklah menghubungi Bank dengan segera sekiranya terdapat sebarang perubahan maklumat bagi memastikan urusan surat-menyurat dapat disampaikan mengikut masa yang ditetapkan.

11. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya pelanggan memerlukan maklumat lanjut sila rujuk :-

- risalah produk
- layari www.bankrakyat.com.my
- Ibu Pejabat Bank Rakyat di talian **03-2612 9600**
 - ✓ Jabatan Swasta (Pembangunan Perniagaan)
 - ✓ Jabatan Kerajaan / Syarikat Berkaitan Kerajaan
 - ✓ Jabatan SME
 - ✓ Jabatan Pembiayaan Koperasi

Sebarang cadangan dan pertanyaan anda boleh disalurkan ke:

Pusat Panggilan

- ✓ **1-300-80-5454**
 - Isnin hingga Jumaat (7:30 pagi hingga 9:30 malam)
 - Sabtu dan Ahad (8.30 pagi hingga 5.30 petang)

Untuk waktu perniagaan selain daripada yang di atas, sila hubungi **Pusat Data di 03-2612 9708**

Anda boleh membuat aduan dengan menelefon:

1-300-80-5454

atau menghantar aduan anda ke

Unit Biro Aduan Awam, Perkhidmatan Pelanggan, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur

atau e-mel ke **aduan@bankrakyat.com.my**.

Atau

Hubungi Bank Negara Malaysia LINK or TELELINK di

Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-88-5465
Faks: 03-21741515
E-mail: bnmtelelink@bnm.gov.my

12. Di manakan saya boleh dapatkan bantuan atau pembelaan?

- Jika anda menghadapi kesukaran untuk membuat bayaran ansuran, anda perlu menghubungi pihak Bank lebih awal untuk membincangkan alternatif bayaran ansuran pembiayaan.
- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan khidmat nasihat daripada **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**, sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia yang menyediakan perkhidmatan percuma berkaitan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penyusunan semula hutang individu. Anda boleh menghubungi AKPK di alamat berikut:

**Tingkat 8, Maju Junction Mall
1001, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
Tel: 1-800-88-2575
Emel: enquiry@akpk.org.my**

13. Lain-lain pakej pembiayaan yang ditawarkan.

- Pembiayaan Berjangka-i
- Pembiayaan Hartanah-i
- Pembiayaan Kontrak-i
- Pembiayaan Modal Kerja-i
- Pembiayaan Penyambung-i
- Pembiayaan Saham-i
- Pembiayaan Jaminan Bank-i Boleh Ubah kepada Berjangka-i

PENTING!

- **TINDAKAN UNDANG-UNDANG MUNGKIN AKAN DIKENAKAN JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN PEMBIAYAAN.**
- **PRODUK TELAH DILULUSKAN OLEH AHLI JAWATANKUASA SYARIAH PADA 10/12/2012.**
- **HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK TELAH DIBACA, DIFAHAMI & DIPERSETUJUI OLEH PELANGGAN DAN MESTILAH DITANDATANGANI OLEH PELANGGAN.**